



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

KENYATAAN MEDIA

PEMINDAHAN PUSAT PEPERIKSAAN SPM SMK JITRA BERIKUTAN KEJADIAN BANJIR MENGEJUT

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah mengesahkan berlaku kejadian banjir kilat secara tiba-tiba di kawasan SMK Jitra pada 25 November 2025 sekitar jam 1.20 petang, melibatkan kawasan perkarangan dewan peperiksaan dan beberapa bahagian sekolah ketika peperiksaan SPM sedang berlangsung.

Semasa peperiksaan Bahasa Melayu Kertas 1, air mula naik di kawasan sekolah. Susulan itu, pegawai Sektor Pengurusan Peperiksaan (SPP) JPN Kedah telah hadir ke lokasi dan mengambil tindakan segera memindahkan 17 calon yang menduduki PSV Kertas 1 ke SMK Tanjung Pauh, bagi memastikan peperiksaan dapat diteruskan dengan selamat dan mengikut ketetapan Lembaga Peperiksaan.

Bagi peperiksaan Bahasa Melayu Kertas 2, semua 163 calon SMK Jitra, termasuk calon persendirian, dipindahkan ke SMK Bandar Baru Darulaman yang telah disediakan lebih awal sebagai pusat peperiksaan alternatif. Proses pemindahan dikendalikan oleh pihak sekolah dengan bantuan trak polis,

kenderaan guru dan sokongan waris, dan berjalan lancar tanpa sebarang insiden keselamatan.

Pihak sekolah bersama SPP PPD terus melakukan pemantauan paras air secara berterusan, manakala JPN Kedah memastikan segala keperluan logistik, keselamatan dan pelaksanaan peperiksaan mengikut prosedur yang ditetapkan.

JPN Kedah menzahirkan penghargaan kepada pihak sekolah, PPD, pasukan keselamatan dan semua pihak yang membantu memastikan perjalanan peperiksaan SPM dapat diteruskan tanpa gangguan demi kepentingan calon.

“Keselamatan calon dan kelancaran peperiksaan adalah keutamaan kami.”

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
25 NOVEMBER 2025**